



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PUTERI RIMBA: ADAPTASI LEGENDA MAHSURI
DALAM PEMENTASAN TEATER KANAK-KANAK
BAGI MENERAPKAN NILAI-NILAI MURNI
KEPADА PELAJAR SEKOLAH RENDAH
SEKITAR LEMBAH KLANG**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PUTERI RIMBA: ADAPTASI LEGENDA MAHSURI DALAM PEMENTASAN
TEATER KANAK-KANAK BAGI MENERAPKAN NILAI-NILAI MURNI
KEPADА PELAJAR SEKOLAH RENDAH SEKITAR LEMBAH KLANG**

AZMIZI BIN ZAKARIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...8...(hari bulan) ...Mac.....(bulan) 20..22..

i. Perakuan pelajar :

Saya, Azmizi Bin Zakaria, M20191000390, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Puteri Rimba: Adaptasi Lagenda Mahsuri dalam Pementasan Teater Kanak-Kanak bagi Menerapkan Nilai-Nilai Murni kepada Pelajar Sekolah Rendah Sekitar Lembah Klang adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Muhammad Faisal bin Ahmad (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Puteri Rimba: Adaptasi Lagenda Mahsuri dalam Pementasan Teater Kanak-Kanak bagi Menerapkan Nilai-Nilai Murni kepada Pelajar Sekolah Rendah Sekitar Lembah Klang


(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pengajian Persembahan (SLA NYATAKAN NAMA


IJAZAH).

13/4/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: Puteri Rimba: Adaptasi Lagenda Mahsuri dalam Pementasan Teater
Kanak-Kanak bagi Menerapkan Nilai-Nilai Murni kepada Pelajar Sekolah
Rendah Sekitar Lembah Klang

No. Matrik / Matic's No.: M20191000390

Saya / I : Azmizi Bin Zakaria

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 13/4/2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasm / Name & Official Stamp)

PERSELEBAHAN

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasj berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani dan Selawat serta Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A. W di atas segala nikmat dan kemudahan yang diberikan sehingga dapat menyiapkan secebis ilmu untuk dikongsikan bagi tatapan pada masa hadapan. Penghargaan dan terima kasih buat kedua ibubapa Zakaria bin Muda serta bonda tersayang Hapnah binti Che Mah yang selalu mengiringi doa bagimemudahkan perjalanan ini. Tidak ketinggalan buat isteri dan anak-anak yang tercinta di atas kesabaran dan memahami perjuangan ini. Kejayaan ini adalah berkat tunjuk ajar dan dorongan yang tidak putus-putus hanya Allah sahaja yang dapat membala jasa dan sumbangan yang besar kepada penyelia yang sangat berdedikasi Dr. Muhammad Faisal bin Ahmad. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Dato' Jawahar Ali bin Thaib Khan selaku penaung dan tidak lupa juga kepada aktivis teater En. Joe Kas dan Cikgu Shidie Perak yang banyak memberi tunjuk ajar. Kepada kawan-kawan yang banyak membantu sepanjang perjalanan dalam menyiapkan penulisan ini jutaan terima kasih buat En. Faizol, Puan Akma Suriati binti Awang, En. Sallehuddin Tais, Cikgu Abdul Rahman bin Safian, Puan Umi Salbiah binti Abdul Rahman, Cikgu Muadzam Muhammad, Puan Akmarina binti Abdul Rahman, Cikgu Syed Abdul Hakim, Cikgu Azim, Cikgu Khairulazhar bin Ariffin dan pelajar-pelajar UPSI yang terlibat. Manakala buat teman- teman seperjuangan yang banyak memberi pandangan, memberi ingatan, selalu bertanya khabar dan berkongsi ilmu, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih. Kepada pelajar-pelajar sekolah dan guru-guru serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung saya menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf dan jasa kamu semua akan dikenang selamanya. Akhir kata, "*hidup kita hanya tumpang-menumpang dan tiada yang lebih hebat kecuali Allah S.W.T*". Terima kasih.

Tanjung Malim, Julai 2021 Azmizi bin Zakaria





ABSTRAK

Cerita rakyat dan cerita legenda merupakan sejarah sebenar masyarakat Melayu pada zaman dahulu yang semakin dilupakan. Kajian ini bertujuan untuk mengadaptasikan cerita *Legenda Mahsuri* dalam bentuk teater kanak-kanak kepada murid sekolah rendah bagi menerapkan nilai-nilai murni melalui pementasan teater kanak-kanak bertajuk *Puteri Rimba*. Oleh itu kajian ini telah memfokuskan kepada tiga objektif iaitu, pertama untuk memperkenalkan teater kanak-kanak sebagai medium untuk menerapkan nilai-nilai murni. Kedua, membangunkan naskhah Puteri Rimba yang diadaptasi menerusi *Legenda Mahsuri* dengan menerapkan nilai-nilai murni dalam karya yang dihasilkan. Seterusnya naskhah ini dipentaskan menerusi sebuah persesembahan yang dijalankan secara dalam talian. Kajian berbentuk kualitatif ini mengangkat beberapa kaedah dalam mencapai objektifnya seperti sumber primer iaitu melalui temubual dan tontonan serta rujukan sumber sekunder. Kajian ini melibatkan 10 orang murid sekolah rendah daripada 6 buah sekolah di sekitar Lembah Klang. Lima nilai murni yang diterapkan dan domain Taksonomi Krathwolh digunakan bagi melihat tahap pemahaman murid yang terlibat dalam persesembahan tersebut. Struktur Dramatik Freytag's bersama enam elemen teater digunakan bagi membina naskhah *Puteri Rimba*. Hasil kajian ini menunjukkan kanak-kanak yang terlibat memahami nilai-nilai murni yang telah diterapkan iaitu baik hati, berdikari, berhemah tinggi, hormat menghormati dan kasih sayang. Ia juga membuktikan bahawa karya adaptasi ini mampu untuk mendidik para pelajar dalam memahami sesbuah kisah legenda dalam konsep yang berbeza dan lebih dekat dengan jiwa kanak-kanak.





PUTERI RIMBA: THE LEGEND OF MAHSURI ADAPTATION IN CHILDREN'S THEATRE TO DEVELOP MORAL VALUES IN PRIMARY SCHOOL CHILDRENIN LEMBAH KLANG

ABSTRACT

Malay folk literature and legends are now being forgotten. This research is conducted to adapt a story of the legend of Mahsuri to children's theatre performances in order to develop moral values through children's theatre entitled Puteri Rimba. Therefore, this research focuses on three objectives. First, children's theatre is introduced as a medium of developing moral values. Second, a play script of Puteri Rimba is built adapted from Mahsuri Legend to enhance moral values in the script. Finally, this play script is performed on stage virtually. Qualitative approach research is used in children's theatre. The data from these methods are collected as interviews provided from a primary source. While theatregoer and reference from secondary source. The samples involve ten primary school children from 6 schools in Lembah Klang. Five moral values and domain Taksonomi Krathwolh are used to analyze the pupil's performances. Freytag's dramatic structural framework and the six elements theatre were used together to build the play script of PuteriRimba. The research shows that the children are interested in understanding moral values among them. It is also proved that the play script able to teach the pupils heart and soul in understanding the concept of legend.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv



1.0	Pengenalan	1
1.1	Inspirasi / Motivasi	2
1.2	Matlamat Penciptaan	7
1.3	Objektif Penciptaan	9
1.4	Kontekstualisasi Topik	9
1.4.1	Adaptasi	10
1.4.2	Simbol	12
1.4.3	Teater Kanak-Kanak	16
1.4.4	Penerapan Nilai-Nilai Murni	19
1.5	Imaginasi Idea Penciptaan	20
1.5.1	Fasa Pertama	21
1.5.2	Fasa Kedua	22





1.5.3	Fasa Ketiga	22
1.5.4	Fasa Keempat	23

BAB 2 KAJIAN LITERATUR DAN KARYA KREATIF

2.0	Pengenalan	29
2.1	Kajian Literatur	30
2.1.1	Teater Kanak-Kanak	36
2.1.2	Nilai-Nilai Murni	40
2.1.3	Lagenda Mahsuri	41
2.1.4	Adaptasi	42
2.2	Kajian Karya Kreatif	46
2.2.1	Filem Melayu Klasik Mahsuri	50
2.2.2	Sajak Mahsuri	53
2.2.3	Buku Cerita Kanak-Kanak Lagenda Mahsuri	54
2.2.4	Teater Muzikal Kanak-Kanak Siti Di Alam Fantasi	56
2.2.5	Teater Muzikal Kanak-Kanak Sinbad The Musical	57
2.3	Keaslian Ciptaan	59
2.3.1	Keaslian Adaptasi Baru (Puteri Rimba)	61
2.3.2	Mesej Sebagai Keutamaan	63

BAB 3 KONSEP PENCIPTAAN

3.1	Konseptualisasi Idea Penciptaan	64
3.1.1	Skrip	65
3.2	Perkembangan Plot Dalam Puteri Rimba	69
3.3	Lakonan	72
3.4	Lakonan Kanak-kanak	73
3.5	Artistik	77





3.6	Landasan Teori Penciptaan	85
-----	---------------------------	----

BAB 4 PROSES PENCIPTAAN KARYA KREATIF

4.1	Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan	87
4.1.1	Penerapan Nilai-nilai Murni Kepada Pelajar Sekolah Rendah	88
4.1.2	Naskah Adaptasi Daripada Cerita Lagenda Mahsuri Dengan Penerapan Nilai-nilai Murni	103
4.1.3	Mementaskan Sebuah Teater Kanak-kanak Berdasarkan Naskah Yang Telah Dibina	133
4.2	Pendekatan Penciptaan	160
4.2.1	Sebelum Produksi	160
4.2.2	Semasa Produksi	161
4.2.3	Selepas Produksi	162

BAB 5 DESKRIPSI KARYA KREATIF

5.1	Pembentukan Karya	163
5.2	Struktur Karya	167
5.2.1	Tema	169
5.2.2	Plot	170
5.2.3	Kekaguman	174
5.2.4	Bahasa	175
5.2.5	Muzik	176
5.2.6	Watak Perwatakan	182
5.3	Program Persembahan	185
5.3.1	Mesyuarat Produksi	188
5.3.2	Uji Bakat Pemilihan Pelakon	189
5.3.3	Mengendalikan Latihan	189





5.3.4 Memastikan Kelengkapan Persembahan	190
5.3.5 Proses Rakaman	191
5.3.6 Proses Editing (suntingan)	192
5.3.7 Pementasan Teater Kanak-Kanak Puteri Rimba	195

BAB 6 REFLEKSI DAN RUMUSAN

6.1 Proses Karya Kreatif	197
6.1.1 Persembahan Karya Kreatif	207
6.2 Rumusan	216
6.2.1 Cadangan Kajian Masa Depan	221
RUJUKAN	223
LAMPIRAN	229





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Perbezaan Nama Watak dalam cerita Lagenda Mahsuri	49
4.1 Amalan Nilai-Nilai Murni	89
4.2 Lima Domain Afektif Taksonomi Krathowlh	90
4.3 Skala Pencapaian Nilai Murni Dalam Produksi Puteri Rimba	91
4.4 Analisa struktur Filem Klasik <i>Mahsuri</i>	106
4.5 Analisa struktur cerita <i>Legenda Mahsuri</i>	109
4.6 Senarai watak dan perwatakan dalam <i>Puteri Rimba</i>	113
4.7 Plot dalam <i>Puteri Rimba</i> berdasarkan Struktur Dramatik Freytag's	116
4.8 Jenis-jenis theatre game's untuk menerapkan nilai-nilai murni	146
4.9 Contoh jadual latihan harian	153
4.10 Contoh instrumen bagi mengenal pasti perkembangan pelakon	154
4.11 Jadual proses rakaman dan editing (suntingan)	156
5.1 Master schedule <i>Puteri Rimba</i>	187
6.1 Penunjuk Aras Penilaian Nilai-Nilai Murni	206





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Konseptualisasi Idea Penciptaan	65
3.2 Bentuk-Bentuk Penciptaan Sastera	66
3.3 Perkembangan Plot dalam <i>Puteri Rimba</i>	69
3.4 Persediaan Seorang Pelakon	73
3.5 Gambar Cadangan Set Hutan Puaka	81
4.1 Proses Pengumpulan Data bagi Pementasan Teater Kanak-Kanak <i>Puteri Rimba</i>	138
4.2 Carta Organisasi dalam Puteri Rimba	139
4.3 Contoh Muka Hadapan Proposal bagi Pementasan Teater Teater Kanak-Kanak <i>Puteri Rimba</i>	140
4.4 Carta Gant Proses Latihan Teater Kanak-kanak <i>Puteri Rimba</i>	142
4.5 Contoh Komunikasi Melalui Aplikasi 'Whatsapp Group'	144
4.6 Contoh Gambar Latihan Melalui 'Google Meet'	145
4.7 Gambar Susunan Blocking di Atas Pentas	151
4.8 Contoh Iklan bagi Mempromosi Pementasan Teater Atas Talian	157
4.9 Contoh Iklan Promosi Teater Kanak-Kanak <i>Puteri Rimba</i> Melalui Pementasan Atas Talian	158
5.1 Struktur Dramatik Freytag's	168
5.2 Carta Proses Produksi Pementasan Teater Kanak-Kanak <i>Puteri Rimba</i>	186
6.1 Carta Proses Imaginasi dan Idea Penciptaan	201
6.2 Amalan Murni Dan Domain Afektif Taksonomi Krathwohl	205
6.3 Carta Pai Menunjukkan Minat Kanak-Kanak Terhadap Teater	208
6.4 Pemahaman Kanak-Kanak Terhadap Watak Mahsuri	209





6.5	Pemahaman Kanak-Kanak Terhadap Watak Rusa	209
6.6	Pemahaman Kanak-Kanak Terhadap Nilai Baik Hati	210
6.7	Pemahaman Kanak-Kanak Terhadap Nilai Kasih Sayang	211
6.8	Contoh Gambar Majlis Pelancaran Teater Kanak-Kanak <i>Puteri Rimba</i>	212
6.9	Contoh Gambar Perjumpaan Pertama Antara Jurulatih	213





SENARAI SINGKATAN

ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
BSKK	Bahagian Sukan dan Kokurikulum dan Kesenian
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
JKKN	Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPWPKL	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
KOMSAS	Antologi Teks Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MATIC	Malaysia Tourism Centre
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Contoh Soalan Temubual
- B Contoh Transkripsi Temubual Bersama Informan
- C Skrip Teater Kanak-Kanak *Puteri Rimba*
- D Poster Teater Kanak-Kanak
- E Gambar-Gambar Pementasan
- F Contoh Kertas Kerja
- G Contoh Surat-Surat Permohonan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN / LATAR BELAKANG



Festival Teater Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan satu program untuk mengetengahkan bakat-bakat pelajar ke tahap yang lebih tinggi. Melalui program ini pelajar dapat mementaskan karya masing-masing dan dapat berkenalan antara satu sama lain semasa pertandingan dijalankan. Setiap negeri akan menghantar satu kumpulan ke festival teater peringkat kebangsaan setelah dikenalpasti melalui pertandingan teater peringkat negeri terlebih dahulu. Oleh itu setiap negeri mempunyai kumpulan teaternya sendiri yang diketuai oleh Pegawai Teknik yang telah dilantik oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri. Pegawai Teknik yang dilantik merupakan seorang guru yang mempunyai ilmu dalam bidang teater yang bertanggungjawab untuk memperkenalkan teater kepada sekolah-





sekolah di bawah Jabatan Pendidikan masing-masing.

Kajian ini akan menggunakan pelajar-pelajar di bawah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) dengan menawarkan penyertaan kepada semua pelajar sekolah di sekitar Lembah Klang. Kebiasaannya ramai pelajar dan banyak sekolah yang berminat untuk turut serta, oleh itu pihak penganjur atau pengkaji perlu membuat tapisan dengan mengadakan proses ujibakat bagi memilih pelajar yang betul-betul berminat. Kerjasama dengan JKKN (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara) amat penting dalam menyediakan ruang pementasan dan juga bantuan kewangan.

Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif dan teori adaptasi diharapkan dapat menghasilkan sebuah pementasan adaptasi daripada kisah Legenda Mahsuri bagi menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar sekolah yang terlibat.

1.1 **Inspirasi/Motivasi**

Dewasa ini teater bukanlah sesuatu yang asing lagi bagi masyarakat kita di Malaysia. Pada setiap tahun pelbagai pementasan teater dapat ditonton di setiap negeri dengan pelbagai cerita yang ditampilkan. Daripada sebesar-besar panggung seperti Istana Budaya, Matic, Auditorium DBP, JKKN setiap negeri dan juga institusi pengajian tinggi sehingga ke pentas-pentas biasa seperti di dewan sekolah ataupun tempat-tempat persendirian untuk mementaskan karya masing-masing. Setiap universiti pula menawarkan pelbagai kursus berkaitan dengan seni persembahan terutamanya teater





dari pada peringkat sijil sehingga kepada program Doktor Falsafah atau PHD. Ini menunjukkan bidang teater telah mendapat tempat dalam masyarakat sama ada sebagai hiburan ataupun pendidikan. Berdasarkan kepada statistik pementasan teater setiap tahun di Istana Budaya pada tahun 2015 terdapat sekurang-kurangnya 45 program kesenian dan hanya satu sahaja pementasan teater kanak-kanak iaitu Muzikal Upin dan Ipin berbanding 15 pementasan teater dewasa serta program kesenian yang lain. (Abd. Samad Kechot, Shahidi A. H., Rahim Aman, 2020).

Pengkaji amat tertarik untuk menyentuh tentang teater kanak-kanak terutamanya pementasan yang berskala besar seperti di Istana Budaya. Rata-rata persembahan teater kanak-kanak di Istana Budaya mendapat sambutan yang menggalakkan sehingga diulang pementasannya untuk tahun yang berikutnya seperti *Muzikal Upin dan Ipin* serta *Muzikal Siti Di Alam Fantasi*.

Bila dilihat tentang sambutan kepada dua buah pementasan ini, pengkaji mula terfikir adakah skrip lain yang boleh diketengahkan supaya penonton dapat dihidangkan dengan pelbagai genre teater kanak-kanak. Sudah tentulah pelaburan yang amat besar diperlukan bagi pementasan ini, namun dengan skrip yang bagus dan menarik sudah tentu akan mendapat sambutan. Inilah yang sering berlaku kepada teater kanak-kanak iaitu tidak mempunyai banyak pilihan skrip yang sudah kuat pengaruhnya dalam masyarakat. Maka setiap tahun akan keluar produk yang sama dan penerbit pula tidak mahu menanggung risiko dengan skrip-skrip baru yang belum tentu sambutannya.





Bertitik tolak daripada isu ini pengkaji berpendapat, harus mengkaji dan membina sebuah naskhah skrip teater kanak-kanak yang dapat menyumbang kepada idea-idea baru dengan mengangkat cerita-cerita legenda tanah air kita. Pada pendapat pengkaji skrip teater kanak-kanak bukan hanya sekadar hiburan semata-mata tetapi perlu juga mempunyai unsur-unsur pendidikan dan juga penerapan nilai-nilai murni. Ini sejajar dengan pandangan pengarah dan penulis skrip teater kanak-kanak *Siti Di Alam Fantasi*, Aminah Rapor yang berpendapat persembahan teater kanak-kanak haruslah menekankan penerapan nilai-nilai murni dan unsur-unsur pendidikan kerana pementasan ini bukan hanya untuk golongan kanak-kanak yang berlakon tetapi penting juga kepada kanak-kanak yang menontonnya (Maizira Abd. Majid, 2004).

Sistem pendidikan negara kita yang lebih fokus kepada sejarah moden menyebabkan kanak-kanak tidak didedahkan dengan cerita-cerita rakyat atau cerita legenda yang banyak memaparkan nilai-nilai kehidupan dan perjuangan bangsa Melayu pada zaman lampau. Walaupun ia cerita legenda tetapi berdasarkan kepada Mohd Khalid Taib (1991) legenda merupakan sebuah cerita berlatarkan masa atau sejarah yang masih boleh diingati oleh masyarakat. Menurutnya lagi legenda merupakan sebuah peristiwa sejarah yang mempunyai fakta serta objektif tersendiri.

Di alam Melayu ada pelbagai jenis legenda yang diceritakan secara turun temurun sebagai pedoman dan iktibar kepada masyarakat setempat seperti legenda tentang ketokohan, legenda keramat, legenda nama tempat, legenda tentang makhluk halus dan sebagainya. Boleh dikatakan setiap negeri mempunyai legenda nya yang tersendiri. Contohnya di Kelantan mempunyai legenda *Puteri Saadong, Awang Selamat*, di Johor *Puteri Gunung Ledang*, di Melaka dengan *Legenda Hang Tuahnya*





dan begitulah di setiap negeri yang lainnya. Secara tidak formal pengkaji pernah berbual dengan kanak-kanak tentang cerita-cerita legenda tersebut tetapi malangnya hanya segelintir sahaja yang tahu tentang kisah legenda seperti yang telah disebutkan di atas. Hal ini menguatkan lagi kepada pengkaji untuk membina sebuah skrip teater kanak-kanak berdasarkan kepada kisah legenda dan pengkaji memilih kisah *Legenda Mahsuri* untuk diketengahkan.

Terdapat beberapa perkara dalam pemikiran pengkaji sehingga kisah *Legenda Mahsuri* menjadi pilihan pengkaji. Ia bertitik tolak daripada arus kemodenan pada zaman sekarang. Rata-rata golongan remaja telah terpaut dengan kehidupan moden yang diperkenalkan oleh barat. Kehidupan masyarakat barat banyak dipertontonkan di kaca televisyen, filem maupun menggunakan teknologi moden seperti telefon. Isu pemakaian, bahasa pertuturan harian, pergaulan, malah semua kebudayaan barat berasal dari barat mahu ditiru oleh golongan remaja. Ini menyebabkan golongan remaja hilang pedoman dan jati diri.

Cerita-cerita rakyat seperti *Legenda Mahsuri*, *Puteri Santubong dan Sejinjang*, *Puteri Gunung Ledang* dan banyak lagi perlu diperkenalkan kepada golongan kanak-kanak. Sekiranya cerita-cerita ini diabaikan maka cerita-cerita daripada luar akan mengambil alih dan seterusnya akan mempengaruhi pembentukan identiti golongan remaja kita pada masa akan datang. Di dalam *Legenda Mahsuri* misalnya, terdapat banyak nilai-nilai murni yang boleh diperkenalkan kepada golongan kanak-kanak dan golongan remaja khususnya. Mahsuri digambarkan sebagai seorang perempuan yang berani dan cekal walaupun nyawanya sebagai ganti. Inilah sikap yang perlu ditanam ke dalam diri kanak-kanak dan golongan remaja kita supaya mereka tidak mudah





menyerah kalah dan rela berjuang untuk mempertahankan diri dan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memilih *Legenda Mahsuri* sebagai sastera yang perlu dipelajari oleh murid dan dimuatkan ke dalam buku *Antologi Teks Komponen Sastera* (KOMSAS) Tingkatan 4 yang diguna pakai di sekolah menengah bagi tahun 2010 hingga 2015. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memilih genre- genre sastera yang berkualiti bagi memenuhi sukanan pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. Dalam antologi ini, terdapat genre-genre puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional, cerpen dan drama. Tujuan KOMSAS ini diwujudkan adalah untuk pembangunan diri dan minda setiap pelajar. Ringkasan hasrat KPM dalam KOMSAS (2015) adalah untuk:



- I. Menimbulkan minat murid terhadap karya sastera yang diwarisi daripada budaya Melayu yang tinggi nilainya.
- II. Melahirkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.
- III. Memahami serta menghayati nilai-nilai kemanusiaan dan pengajaran yang terkandung dalam karya tersebut.
- IV. Melatih kemahiran berbahasa dapat ditingkatkan melalui penggunaan bahasa serta gaya penulisan dalam karya tersebut.
- V. Mendidik murid terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui karya-karya dalam antologi ini.
- VI. Penglibatan murid dalam penulisan kreatif nanti dapat menyumbangkan kepada kelahiran generasi yang berhemah tinggi dan kaya dengan nilai-





nilai kemanusiaan.

Pengkaji perlu menyambut hasrat KPM ini supaya ia menjadi tali-temali atau mempunyai hubungan yang tidak putus antara murid sekolah rendah dan menengah. Maksud pengkaji, sastera tradisional ini perlu diperkenalkan kepada murid peringkat sekolah rendah lagi. Hal ini kerana apabila mereka memasuki alam sekolah menengah ia bukanlah asing lagi bagi mereka. Sebagaimana kita ketahui kebanyakan cerita-cerita legenda atau mitos banyak fokus kepada golongan dewasa atau remaja. Oleh itu kisah-kisah ini perlu diadaptasi supaya sesuai dan dekat dengan alam kanak-kanak. Sudah tentu sastera ini perlu disesuaikan bagi menarik minat kanak-kanak dan disampaikan dengan mudah dan menarik melalui pementasan teater kanak-kanak yang dilakukan oleh mereka sendiri.



1.2 Matlamat Penciptaan

Kebanyakan kanak-kanak malah remaja dan segelintir golongan dewasa sudah lupa dengan kisah-kisah legenda masyarakat Melayu. Mohd Fahmi Ismail (2015) dalam penulisannya berpendapat cerita rakyat Melayu semakin luntur dek kerana berkembangnya teknologi moden. Alat peranti telah mengambil alih masa lapang kanak-kanak yang seharusnya mereka manfaatkan masa tersebut dengan bermain bersama kawan-kawan ataupun membaca buku. Cerita rakyat Melayu sebagai tunjang ketamadunan negara telah hilang fungsinya sehinggakan nilai jati diri Melayu juga mulai pudar dan luntur. Menurutnya lagi walaupun cerita rakyat Melayu banyak disampaikan melalui tradisi lisan dan mengfokuskan golongan





dewasa tetapi telah tersebar luas sehingga turut diminati oleh golongan kanak-kanak juga (Mahzan Arshad, 2008).

Oleh itu dengan menggunakan teori adaptasi pengkaji akan mencipta dan membina sebuah karya adaptasi berdasarkan *Legenda Mahsuri* yang akan diterjemahkan ke dalam bentuk teater kanak-kanak. Ia bersesuaian dengan pandangan Salmah Haji Ayob (1981) di mana semua bentuk sastera kanak-kanak bertujuan untuk melahirkan pengalaman estetika iaitu untuk membantu pembaca merasai, mengamati susunan gambar, warna, perasaan, fikiran serta perhubungan antara watak dan persekitarannya supaya satu pengalaman seni yang penuh dengan pengertian dapat diwujudkan.



didokong oleh kanak-kanak bagi mereka merasai dan menimba pengalaman yang sebenar. Melalui sesi latihan-latihan yang dijalankan diharapkan pengkaji dapat menyerapkan kemahiran-kemahiran teater kepada kanak-kanak tersebut. Selain itu, melalui latihan ini juga pengkaji akan menerapkan nilai-nilai murni berdasarkan skrip yang dibina.

Bersandarkan teori ekologi atau adaptasi alam yang diperkenalkan oleh Julian Steward (1930-an) kemudiannya telah dirujuk oleh Fahmi Ismail (2015) dalam tulisannya menyenaraikan beberapa nilai-nilai murni yang perlu diterapkan kepada kanak-kanak seperti kasih sayang, keberanian, sikap tolong-menolong dan sebagainya. Pemahaman terhadap nilai murni ini akan memberi kesan yang besar kepada kanak-kanak tersebut untuk membentuk moral serta akhlak sejajar dengan





budaya Melayu dan masyarakat Malaysia yang penuh dengan nilai-nilai ketimuran.

1.3 Objektif Penciptaan

- 1.3.1 Memperkenalkan teater kanak-kanak sebagai medium penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar sekolah rendah.
- 1.3.2. Membina naskhah adaptasi *Legenda Mahsuri* dengan menerapkan elemen nilai murni.
- 1.3.3 Mementaskan karya teater kanak-kanak bertajuk *Puteri Rimba: Sebuah Adaptasidaripada Legenda Mahsuri*.



1.4 Konteks Tualisasi Topik

Adaptasi dalam penciptaan karya baru melalui *Legenda Mahsuri* yang diangkat melalui teater kanak-kanak bagi menerapkan nilai-nilai murni akan mengembalikan fungsi cerita-cerita rakyat atau legenda sebagai medium dalam pembelajaran dan pendidikan masyarakat dahulu. Ia akan dilihat melalui simbol-simbol yang terdapat dalam cerita Mahsuri bagi mengekalkan keaslian ciptaan karya baru dan juga supaya jiwa teks asal dapat dikekalkan sesuai dengan konsep adaptasi yang dibincangkan nanti.





1.4.1 Adaptasi

Seawal tahun 1930-an filem *Laila Majnun* (1933) merupakan sebuah filem Melayu pertama yang diambil daripada kisah klasik Arab arahan B.S. Rajhans diterbitkan oleh seorang ahli perniagaan India yang bernama S.M Christy. Tanah Melayu cukup asing dengan filem apatah lagi dengan istilah adaptasi. Sekiranya diteliti filem Melayu yang pertama dihasilkan pada tahun 1958, melalui kaedah adaptasi ialah filem *Cinta Gadis Rimba* arahan L. Krishnan yang diambil daripada novel karya Harun Aminurrashid dengan tajuk yang sama. Menurut Syed Field (1990) adaptasi bermaksud mengubah sesetengah isi dari satu media ke media yang lain. Manakala dalam bidang teater pada zaman ini teater bangsawan amat terkenal dengan mengambil kisah-kisah daripada sejarah dan legenda Tanah Melayu, India dan juga daripada Parsi. Pada zaman ini teater tradisional seperti *Mak Yong*, *Wayang Kulit* dan juga *Bangsawan* amat terkenal sebagai sumber hiburan berbanding dengan filem.

Berdasarkan kajian ke atas *Legenda Mahsuri* pengkaji mendapati terdapat empat simbol yang penting dalam kisah Mahsuri yang perlu dikenalkan dalam penciptaan karya teater kanak-kanak nanti. Simbol-simbol ini ialah fitnah, keris, darah putih dan sumpahan Mahsuri. Manakala nama-nama watak juga pengkaji akan kekalkan dan ditambah dengan watak-watak baru supaya cerita ini lebih menarik dan sesuai bagi kanak-kanak. Ia bertepatan dengan teori adaptasi yang disarankan oleh Geoffrey Wagner (1975) yang mengulas tentang adaptasi terbahagi kepada tiga iaitu:

- i. Transposisi- Novel diangkat secara langsung ke filem dengan membuat sedikit perubahan yang jelas. Kaedah ini selalu digunakan oleh



kebanyakan penulis. Filem bentuk ini biasanya dianggap sebagai filem ilustrasi buku atau novel kerana setiap halaman dalam novel boleh didapati dengan jelas dalam filem.

- ii. Ulasan (Commentary)- Bentuk ini menunjukkan terdapat beberapa gangguan yang terancang dalam beberapa aspek. Kebanyakannya struktur novel masih lagi sama walaupun terdapat beberapa perubahan tetapi lebih menjurus kepada fiksyen. Filemnya adalah seperti memberi penerangan kembali kepada bentuk novel yang asli.
- iii. Analogi- Untuk melihat penyesuaian novel ke atas sebuah filem itu adalah perlu menilai kemahiran pengarahnya dalam menggunakan teknik penceritaan yang sama dengan karya asal. Konsep ini jelas melihatkan satu bentuk perubahan yang besar bagi menghasilkan sebuah karya seni yang lain. Pengarah jelas menunjukkan tidak mengangkat kembali karya asal.

Secara ringkasnya *transposition* adalah penyesuaian yang boleh dilakukan terus oleh pengarah atau penulis dengan sedikit perubahan. *Commentary* pula adalah perubahan yang sedikit dan mentafsir kembali karya tersebut berdasarkan kepada konsep filem atau drama dengan mengekalkan semangat sesebuah karya asal. Manakala teknik *analogy* pula, pengarah atau penulis melakukan rombakan pada keseluruhan cerita sehingga terhasil sebuah filem atau karya yang lain.

Linda Hutcheon dalam bukunya yang bertajuk *A Theory of Adaptation* (2006) menulis terdapat pelbagai pendapat berkenaan dengan adaptasi daripada pengkaji-



pengkaji yang terdahulu seperti Walter Benjamin (1992) menegaskan bahawa bercerita selalunya akan menjadi sebuah seni yang mengulangkan cerita. Begitu juga pendapat daripada *Ts Eliot* dan *Northrop Fyre* (Benjamin W. 1992), seni merupakan sebuah seni yang berasal daripada seni yang lain dan cerita akan lahir daripada kisah yang lain. Adaptasi boleh berlaku dalam pelbagai bentuk pada hari ini sama ada di televisyen dan skrin filem, di pentas muzikal atau drama, dalam novel, komik atau buku, di taman-taman tema dan banyak lagi.

Linda. H, (2016) akhirnya merumuskan adaptasi boleh difahami sebagai:

- i. Ilmu yang diterima hasil daripada kerja orang lain.
- ii. Ambil kerja orang lain secara kreatif dan olah semula mengikut keadaan
- iii. Adaptasi merupakan perkembangan dalam intertekstual.



1.4.2 Simbol

Kajian yang telah dilakukan terhadap *Legenda Mahsuri* terdapat beberapa simbol penting yang menjadi tunjang atau asas kepada cerita rakyat tersebut. Berdasarkan kepada kajian oleh Mohd Khalid Taib (1991) legenda merupakan penyataan bercorak cerita berdasarkan kepada sejarah atau peristiwa yang masih boleh diunggati oleh masyarakat yang bersifat semu dan terdapatnya tokok tambah bagi tujuan yang tertentu. Di sini dapat dilihat dengan jelas terdapat simbol-simbol yang ditonjolkan oleh pencerita atau penulis bagi mengangkat ketokohan atau kekeramatan Mahsuri.





Simbol yang dapat kita jumpa dalam cerita ini adalah seperti fitnah, keris, darah putih dan sumpahan.

Simbol berdasarkan kepada buku tulisan Charles Chadwick yang telah diterjemahkan oleh Shamsiah Mohd Said (1991) dapat diringkaskan, simbol merupakan satu seni yang boleh membangkitkan sesuatu objek yang didedahkan sedikit demi sedikit sebagai lambang secara abstrak yang mempunyai ‘korelasi objektif’. Manakala dalam kajian Siti Zainon (1985) pula simbol mempunyai makna dan erti yang tertentu yang diprojeksikan sebagai lambang dalam kehidupan manusia. Beliau memberi contoh seperti bendera; walaupun ia sehelai kain tetapi dihormati dan boleh memberi rasa bangga dan menaikkan nilai-nilai patriotik.



- i. Simbol fitnah dalam *Legenda Mahsuri* merupakan inti pati kepada cerita tersebut. Mahsuri yang telah berkahwin dengan Wan Darus telah difitnah bermukah dengan Deramang semasa suaminya keluar berperang. Akhirnya Mahsuri telah dihukum bunuh oleh penghulu tanpa diselidiki dahulu tuduhan tersebut. Fitnah sebagai fokus utama merupakan simbol kekejaman yang telah berlaku kepada Mahsuri. Rentetan kepada fitnah itu kesannya amat besar kepada masyarakat tersebut sehingga tanah Langkawi telah ditawan oleh Siam dan ramai penduduknya telah dibunuh termasuklah penghulunya. Dalam Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 121 Allah berfirman maksudnya “*Fitnah itu lebih dahsyat daripada pembunuhan*”. Ayat ini dengan jelas memberi lambang tentang



kehancuran disebabkan oleh fitnah dan itulah terjadinya di Tanah Langkawi. Apabila simbol ini diangkat dalam karya sudah tentu simbol fitnah yang paling besar dalam masyarakat Melayu terus dirujuk kepada kisah *Legenda Mahsuri*.

- ii. Simbol keris dalam *Legenda Mahsuri* digambarkan pada babak akhir cerita. Diceritakan bahawa Mahsuri tidak ‘lut’ ditikam oleh manapun senjata sehingga Mahsuri memberitahu hanya keris pusakanya sahaja yang dapat membunuhnya. Simbol keris diangkat sebagai senjata utama orang Melayu dan melambangkan keperibadian orang yang memilikinya. Tengku Intan dan Salinah (2013) menjelaskan keris merupakan simbol kebanggaan dan kebesaran orang Melayu. Pada zaman dahulu keris telah digunakan dalam adat istiadat istana seperti pelantikan pembesar istana, hadiah raja kepada hamba rakyatnya atau kepada kerajaan lain. Keris juga digunakan sebagai pengganti raja dalam menjatuhkan hukuman atau menangkap musuh negara. *Keris Taming Sari* merupakan keris sakti telah menjadi simbol kepahlawanan Hang Tuah. Begitulah juga simbol keris dalam *Legenda Mahsuri* untuk menggambarkan kehebatan Mahsuri yang harus dikekalkan dalam karya yang akan dihasilkan nanti.

- iii. Alam Melayu menunjukkan warna memainkan peranan yang penting sebagai media komunikasi. Simbol warna berupa objek maupun yang memberi ekspresi dan makna bersifat simbolik. Asniza Zakaria (2020) dalam kajiannya memetik cerita *Legenda Mahsuri* dan cerita *Legenda*

Puteri Lindungan Bulan memaparkan kisah darah putih sebagai simbol kepercayaan, kesucian, kebaikan, bersih dan juga kesempurnaan. Setelah Mahsuri dibunuh telah keluar darah putih daripada tubuhnya untuk melambangkan kesucian seterusnya dapat membersihkan namanya daripada fitnah. Bukan semua manusia disandarkan kepada darah putih kepadanya melainkan untuk menonjolkan ketokohnannya yang mempunyai sakti atau keramat.

- iv. Sifat luar biasa dan keistimewaan yang digambarkan kepada Mahsuri semenjak daripada kecil lagi sebagai wanita yang memiliki kecantikan luar biasa dengan budi pekerti yang mulia telah mengangkat martabat bangsa Melayu. Tidak hairanlah bila sumpahannya menjadikan

Langawi sebagai padang jarak padang terkukur selama tujuh keturunan. Rosfazila Abdul Rahman (2016) melihat sumpahan Mahsuri bukanlah sebagai hukuman kepada penduduk Langawi tetapi sebagai pengajaran kepada masyarakat supaya menghindari daripada fitnah dan perlu keadilan ditegakkan supaya tidak lagi terjadinya penganiayaan. Oleh itu, sumpahan Mahsuri boleh juga ditafsir secara berbeza mengikut sudut pandangan kanak-kanak supaya pengakhiran cerita boleh memberi kesedaran kepada kanak-kanak yang terlibat ataupun yang menonton.

Oleh itu simbol yang pertama iaitu fitnah boleh dijadikan tema utama dalam penghasilan karya nanti. Manakala simbol keris pula boleh dijadikan senjata kepada Mahsuri untuk melindunginya daripada kejahanan ataupun senjata yang sakti. Simbol ketiga pula ialah warna yang merujuk kepada darah putih. Keistimewaan

darah putih yang dimiliki oleh Mahsuri merupakan faktor utama yang menjadi konflik yang besar. Sumpahan simbol yang keempat merupakan pengakhiran cerita yang menjadikan Mahsuri benar-benar mempunyai kuasa sakti. Simbol-simbol yang telah dibincangkan itu akan menjadi tunjang dalam pembinaan karya adaptasi terhadap kisah *Legenda Mahsuri*.

1.4.3 Teater Kanak-Kanak

Pelbagai istilah lakonan digunakan seperti drama, teater, sketsa dan pantomim. Definisi drama menurut Mana Sikana (1989) ialah sebuah pertunjukan atau perlakuan yang disengajakan oleh manusia untuk berhubungan dengan manusia lain.

Sementara itu, Rahmah Bujang (1994) pula menyatakan drama merupakan satu bentuk seni yang bersifat dramatik iaitu satu seni yang mengutamakan kesan dan tekanan emosi pembaca atau penonton. Kenyataan ini menjelaskan bahawa drama memerlukan sekumpulan manusia yang saling berinteraksi antara satu sama lain. Drama dipentaskan secara langsung dikenali sebagai teater.

Menurut Fazilah (2010), persembahan teater disampaikan dalam bahasa yang berlapis. Selain itu mempunyai pelbagai gerakan, objek simbol imej dan teknik teaterikal sebagai perantara dalam menyampaikan mesej. Berdasarkan kepada Aristotle terdapat enam elemen penting yang terdapat dalam teater seperti tema, persoalan, watak perwatakan, plot, latar masa, tempat dan masyarakat (Maizira, 2004). Manakala terdapat juga unsur-unsur sampingan yang diselitkan iaitu gaya bahasa seperti metafora, simile, hiperbola, anaphora, nilai murni dan unsur-unsur



pengajaran.

Teater kanak-kanak pula dikenali sebagai drama kanak-kanak. Berdasarkan kepada Ani Omar (2019) dalam bukunya bertajuk *Drama dan Teater Dalam Pendidikan* memberi takrifan drama kanak-kanak adalah drama yang dimainkan oleh orang dewasa ataupun kanak-kanak untuk tontonan kanak-kanak. Beliau menulis lagi drama kanak-kanak terbahagi kepada dua bentuk iaitu drama dalam bilik darjah dan drama di luar bilik darjah. Drama dalam bilik darjah guru mempunyai peranan untuk membimbing pelajar melakukan aktiviti teater seperti main peranan (*theatre game*), simulasi, bercerita yang tidak memerlukan tempat yang khusus. Manakala drama luar bilik darjah pula berkaitan dengan persesembahan yang sebenar dengan latihan yang formal, tempat pementasan yang khusus dan mengambil masa yang agak lama bagi latihan sebelum pementasan.

Rahmah Bujang (1991) teater kanak-kanak adalah persesembahan untuk kanak-kanak oleh golongan profesional ataupun kanak-kanak bagi tujuan untuk tontonan oleh golongan kanak-kanak. Manakala Maizira (2004) dalam kajiannya terhadap pementasan *Teater Siti Di Alam Fantasi* mendefinisikan teater kanak-kanak merupakan teater yang dipersembahkan untuk tontonan kanak-kanak. Pelakon boleh terdiri daripada golongan dewasa ataupun kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan 5 hingga 12 tahun. Dalam teater kanak-kanak aspek moral ditekankan bagi mendidik kanak-kanak tersebut dan pementasannya haruslah mempunyai pelbagai elemen seni seperti muzik, nyanyian (lagu), tarian, kostum dan unsur-unsur yang berwarna-warni. Manakala watak-wataknya pula boleh terdiri daripada pelbagai watak selain daripada manusia seperti, haiwan, tumbuhan, serangga, alat-





alat atau benda, jin dan sebagainya (Maizira, 2004).

Kalam Hamidi (1990) dalam bukunya berpendapat empat elemen yang harus diubah untuk menjadi pelajar yang berani terdapat dalam teater ia itu pertama semula jadi, kedua ketakutan, ketiga kebimbangan dan keempat kurang kepercayaan diri. Beliau memperkenalkan teknik latihan berani bagi mengatasi masalah tersebut. Latihan berani ini seperti latihan pengucapan, pernafasan, pergerakan dan mengenali potensi individu tersebut. Lawatan Mustafa Kamal Yasin ke Amerika telah menyedarkannya tentang perbezaan antara kanak-kanak di negara kita dengan di sana. Semasa beliau melawat sebuah tadika di sana, beliau mendapati kanak-kanak di sana cukup berani untuk datang bercakap dengannya. Ada juga sesetengah daripada kalangan kakak-kanak tersebut yang pergi bertanya kepada guru mereka tentang siapa beliau dan berasal daripada mana, serta bahasa apa yang dipertuturkan (Kalam Hamidi, 1990).

Ini jelas menunjukkan bahawa kaedah teater merupakan salah satu cara yang dapat membina keyakinan diri seperti dibincangkan di atas. Berdasarkan kepada John Dewey, beliau ada menegaskan bahawa drama dan lakonan dalam pendidikan adalah:

... punca utama aktiviti dalam pendidikan adalah pada sikap dan aktiviti naluri dan impuls kanak-kanak, sama ada melalui idea-idea orang lain atau melalui deria:

dan kerana itu, segala aktiviti spontan kanak-kanak baik lakonan, permainan, atau pelakon mengajuk berguna untuk pendidikan, bahkan merupakan asas untuk





kaedah-kaedah pendidikan.

(Rahmah Bujang,1991)

1.4.4 Penerapan Nilai-Nilai Murni

Kebanyakan penulis dan pengkaji teater kanak-kanak seperti Chew Fong Peng, Salmah Haji Ayob (1981), Jaeni (2016), Maizira (2004), Rahmah Bujang (1991) dan juga Jonathan Adrian Martin (2016) banyak mengaitkan teater kanak-kanak sebagai medium pembelajaran atau pendidikan bagi membangunkan potensi diri kanak-kanak dan juga pembentukan moral. Lantaran itu teater kanak-kanak berupaya untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada kanak-kanak yang terlibat.



Nilai murni berdasarkan kepada kajian oleh Mohd Fahmi Ismail (2015) ialah mengenai sikap atau tingkah laku seseorang. *Teori Ekologi Budaya* berdasarkan kepada Julian Steward (1930) menyatakan unsur alam persekitaran mempengaruhi segala aspek kebudayaan seperti minda (cara berfikir), cara makan, pemakaian, tempat berlindung, bahasa, kebudayaan, seni kepercayaan dan sebagainya. Oleh itu Mohd Fahmi (2015) dalam kajiannya yang bertajuk *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* telah menjelaskan bahawa cerita rakyat Melayu sarat dengan nilai-nilai murni yang mampu membentuk moral dan akhlak masyarakat semenjak dahulu sehingga sekarang. Antara nilai-nilai murni yang telah dibincangkan dalam kajian beliau seperti kasih sayang, keberanian, kerjasama, berhemah tinggi dan berfikiran secara rasional.





Oleh itu dalam kajian Zakaria Stapa (2012) pembentukan jati diri melalui nilai-nilai murni banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan juga hubungan sosial dalam masyarakat. Faktor persekitaran boleh mempengaruhi dan juga sebagai sumber pembelajaran seseorang dalam proses pembentukan tingkah laku melalui peniruan (pemodelan), tindak balas, dorongan dan juga halangan (Azhar, 2006). Hubungan sosial pula seperti elemen-elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu-bapa, pengaruh guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat serta pengaruh media massa. Dalam Islam Imam Ghazali ada menekankan faktor pembelajaran sosial iaitu pergaulan dengan orang-orang soleh sebagai salah satu daripada tiga kaedah membentuk akhlak yang mulia dalam diri seseorang (Mohammad Abul Quasem, 1975).



1.5 Imaginasi dan Idea Penciptaan

Asniza Zakaria (2020) dalam kajiannya mendapati terdapat 14 versi cerita Mahsuri samada secara lisan ataupun yang telah ditulis. Mengikut kajiannya lagi kisah Mahsuri berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah 11 Ibni Almarhum Sultan Ziyauddin Mukarram Syah (1803-1843). Dicatatkan Mahsuri meninggal dunia pada tahun 1819 Masihi bersamaan 1235 Hijrah. Kisah tragis pembunuhan Mahsuri oleh Datuk Kermajaya iaitu penghulu Langkawi pada masa itu bermula apabila kehendak Datuk Kermajaya untuk menjadikan Mahsuri sebagai isteri keduanya ditolak. Dikatakan juga kecantikan Mahsuri adalah punca cemburunya Mahura iaitu isteri Datuk Kermajaya sehingga sanggup membuat fitnah Mahsuri berzina dengan Deraman yang membawa kepada hukuman bunuh.





Sehingga kini kisah Mahsuri telah difilemkan, dibukukan sebagai bahan bacaan kanak-kanak dan dewasa malah tidak ketinggalan juga telah dipentaskan dalam bentuk teater muzikal.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan oleh Rosfazila Abdul Rahman (2016) pula, kisah *Legenda Mahsuri* telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:-

1.5.1 Fasa Pertama

Menceritakan berkenaan dengan latar belakang keluarga Mahsuri yang berasal daripada Siam dan telah menetap di Kampung Mawat, Mukim Ulu Melaka Langkawi. Bapanya bernama Pandak Mayah, ibunya bernama Mak Andak Along dan seorang anak perempuan yang bernama Mek Yah. Tetapi ada sesetengah cerita yang mengatakan mereka ini tidak mempunyai anak sehinggalah Pak Andak terjumpa dengan kerak nasi iaitu Maya Padi yang di masak bersama nasi yang ditanak. Setelah makan kerak nasi tersebut Mak Andak akhirnya hamil. Dikatakan juga selepas kelahiran Mahsuri kehidupan Pak Andak sekeluarga telah berubah. Rezekinya semakin bertambah selain daripada menanam padi Pak Andak juga menjual sarang burung layang-layang yang akhirnya telah mengubah kehidupan mereka sekeluarga.





1.5.2 Fasa Kedua

Fasa ini pula menceritakan tentang zaman perawan Mahsuri yang menceritakan tentang kecantikan Mahsuri. Kecantikannya tersebar ke seluruh Langkawi sehingga penghulu Langkawi pada masa itu Dato Kermajaya turut terpikat dan ingin menyunting Mahsuri untuk menjadi isteri keduanya. Hasrat Dato Kermajaya terbantu apabila isterinya Puan Mahura telah mendapat tahu dan menentangnya. Puan Mahura amat cemburu dengan kecantikan Mahsuri. Beliau juga merupakan seorang perempuan yang pintar dan menjadi tulang belakang kepada Dato Kermajaya dalam mentadbir Langkawi. Akhirnya Puan Mahura telah meminang Mahsuri kepada anaknya yang bernama Wan Mat Deris. Mahsuri dan Wan Mat Deris dikurniakan seorang anak yang bernama Wan Mat Arus.



1.5.3 Fasa Ketiga

Seterusnya bahagian ini dikenali sebagai tragedi Mahsuri. Ia bermula apabila Deramang seorang penglipur lara yang sedang dalam penjelajahannya sampai ke Langkawi. Deramang pula merupakan sepupu kepada Mahsuri. Pak Andak telah mengajak Deramang tinggal di rumah mereka dan setiap hari Deramang akan membaca hikayat-hikayat serta puisi di perkarangan rumah Mahsuri. Ini menyebabkan rumah Mahsuri didatangi ramai orang. Puan Mahura berasa cemburu kerana popularitinya mula terjejas dan ia juga khuatir tentang kedudukan suaminya sebagai penghulu juga akan terjejas dek kerana kemasyhuran Mahsuri. Dendam lama luka kembali tanpa usul periksa ketika ketiadaan Wan Mat Deris, Mahura telah





menabur fitnah kononnya Mahsuri telah bermukah dengan Deramang. Akhirnya Mahsuri telah ditangkap dan dihukum bunuh oleh Dato Kermajaya.

1.5.4 Fasa Keempat

Pada bahagian akhirnya pula mengisahkan tentang kesan sumpahan Mahsuri. Keramat yang ada pada Mahsuri yang tidak lut oleh segala bentuk senjata telah meyakinkan lagi tentang fitnah yang telah dituduh terhadapnya. Mahsuri hanya dapat dibunuh oleh keris pusaka keluarganya sahaja. Sebelum menghembus nafas yang terakhir Mahsuri telah melafazkan sumpahnya yang merujuk kepada tanah Langkawi sekiranya ia merupakan satu fitnah darahnya akan berwarna putih dan tanah Langkawi akan menjadi padang jarak padang terkukur. Ia benar-benar berlaku akhirnya tanah Langkawi telah menjadi tandus dan kering kontang sehingga ramai penduduknya telah berhijrah begitu juga dengan keluarga Mahsuri yang telah kembali ke Siam.

Inilah rangka kisah *Legenda Mahsuri*, walaupun ada beberapa bahagian yang berbeza dengan tulisan atau cerita daripada sumber yang lain, ia masih lagi berada dalam rangka yang telah dibincangkan di atas. Bagi memudahkan pengkaji membina imaginasi dalam mencipta karya, enam elemen teater akan digunakan dalam membincangkan topik ini. Enam elemen ini adalah seperti watak, plot, set, kostum, muzik dan pencahayaan (Saparman Bakri, 1982).



Kebanyakan cerita lisan atau cerita legenda banyak mengisahkan tentang golongan dewasa dan disampaikan dalam pelbagai bentuk sama ada serius atau komedi. Cerita rakyat yang berbentuk komedi seperti cerita *Pak Pandir, Mat Jenin, Si Luncai, Lebai Malang, Pak Kaduk* dan sebagainya. Walaupun ceritanya kelakar tetapi terdapat sindiran yang halus untuk dihayati. Begitulah juga cerita-cerita legenda yang berbentuk serius seperti *Si Tanggang, Puteri Lindungan Bulan, Puteri Saadong*, dan sebagainya. Sudah tentu cerita-cerita ini banyak memberi nilai-nilai positif untuk mendidik masyarakat supaya timbul perasaan bangga dengan ketokohan legenda ini dan seterusnya memberi inspirasi untuk sayang kepada tanah air.

Apabila memikirkan tentang cerita Mahsuri yang bentuknya serius pengkaji mula terfikir bagaimana mahu sesuaikan dengan teater kanak-kanak supaya mereka tidak bosan ataupun cerita ini akan menjadi lebih berat. Oleh itu unsur-unsur komedi perlu dimasukkan ke dalam skrip yang akan ditulis nanti. David Mayer (1929) menulis bahawa karya komedi merupakan satu kemahiran yang perlu dipelajari dan diasah melalui pengalaman dengan latihan yang berterusan. Elemen komedi yang menggabungkan didaktik dan slapstik diharapkan dapat menghiburkan penonton nanti.

Oleh itu sesuai dengan konsep adaptasi yang membenarkan untuk menilai kembali cerita tersebut berdasarkan keperluan semasa maka perlu diwujudkan watak lucu bagi membuatkan cerita tersebut lebih ringan dan boleh membuatkan penonton terhibur. Pada pendapat pengkaji watak binatang lebih sesuai berbanding dengan watak tumbuhan untuk menggalas watak komedi tersebut. Kebanyakan kanak-kanak lebih sukakan binatang, mungkin binatang ini merupakan haiwan



peliharaan ataupun binatang kesukaan mereka (Maizira, 2004).

Melihat kepada latar zaman tersebut terdapat banyak cerita binatang yang ada dalam masyarakat Melayu seperti cerita *Arnab dengan Kura-Kura*, *Anjing dengan Bayang-Bayang*, *Sang Kancil dengan Buaya*, *Merak dengan Gagak* dan juga *Raja Rimba*. Melihat kepada dekatnya masyarakat Melayu dengan alam haiwan tidak mustahil watak-watak haiwan dapat menarik kanak-kanak untuk menyukainya. Watak kambing dipilih untuk menjadi kawan rapat Mahsuri. Perwatakan kambing yang jinak, kecil, telinganya lembut, bertanduk dan bunyinya yang mengembek merupakan unsur-unsur lucu yang terdapat pada binatang tersebut.

Selain watak kambing ada lagi haiwan-haiwan lain yang akan menjadi kawan dan musuh kepada Mahsuri. Watak arnab, kancil, rusa, burung dan juga harimau merupakan watak yang ada dalam skrip nanti. Watak-watak ini akan menjadi kawan dan musuh Mahsuri semasa dia bermain di dalam hutan nanti. Watak baik seperti arnab, kancil, burung dan harimau, manakala watak jahat akan dibawa oleh rusa. Kita selalu menilai orang berdasarkan kepada rupa paras, cantik, putih dan berpakaian kemas akan dinilai sebagai orang baik. Manakala sekiranya berbadan besar, muka garang atau buruk serta penampilan yang selekeh digambarkan sebagai orang yang jahat atau tidak berguna.

Watak-watak lain akan dikenalkan seperti, Pak Andak, Cik Alang, Dato Kermajaya, Puan Mahura, Deramang dan orang-orang kampung. Penting bagi pengkaji untuk mengekalkan watak ini supaya jiwa cerita Mahsuri yang sebenar masih lagi dapat dirasai oleh penonton yang mengetahui cerita sebenar legenda



Mahsuri. Namun begitu ada sesetengah watak akan mempunyai perwatakan yang baru. Mahsuri akan digambarkan seorang kanak-kanak perempuan yang berumur lingkungan 11 tahun. Dato Kermajaya digambarkan seorang penghulu yang suka memburu binatang dan Puan Mahura digambarkan seorang perempuan sihir yang amat jahat. Tengkorak binatang akan dipuja oleh Mahura untuk dijadikan khadamnya dan darah binatang akan diminum oleh Mahura supaya ia kekal cantik dan berkuasa. Sekiranya dilihat kepada perwatakan kita merasakan cerita ini akan menjadi kisah seram dan menakutkan serta tidak sesuai untuk kanak-kanak. Akan tetapi kanak-kanak sekarang sudah terbuka mindanya, ini terbukti apabila filem-filem fantasi seperti *Maleficent*, *Jumanji*, *Onward and Dolittle*, *Alice in the Wonderland*, *Lord of the Ring* dan banyak lagi dapat menarik minat kanak-kanak untuk menonton.



05-4506832



Selain daripada nama-nama watak yang dikekalkan dan ditambah simbol

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi

simbol dalam Mahsuri juga akan dikekalkan tetapi akan digambarkan secara berbeza daripada cerita asal Mahsuri. Simbol utama ataupun isi cerita utama dalam *Legenda Mahsuri* ialah berkenaan dengan fitnah dan cemburu yang membawa kepada perjalanan cerita tersebut. Simbol kepada fitnah ini akan digambarkan secara berbeza bersesuaian dengan teater kanak-kanak. Fitnah yang akan digambarkan adalah berpunca daripada Mahura yang ingin menangkap Mahsuri bagi mendapatkan darah putih yang di miliki oleh Mahsuri bagi mengekalkan kecantikannya. Oleh itu Mahsuri telah dituduh memasuki hutan larangan dan membunuh binatang dalam hutan tersebut.

Akhirnya dengan tipu daya Mahura dengan menggunakan rusa, Mahsuri dapat ditangkap dan akan dibunuh untuk mendapatkan darahnya. Harimau yang selama ini



sangat marah dengan Mahura yang telah membunuh binatang dalam hutan tersebut telah datang membantu Mahsuri dan akhirnya Mahsuri selamat. Oleh kerana aura jampi Mahura yang sangat kuat, hutan itu akan kekal berpuaka dan Mahsuri bersumpah selama tujuh keturunan tanah Langkawi akan menjadi padang jarak padang terkukur sehingga aura jahat itu hilang. Mahsuri mohon kepada semua penduduk Langkawi untuk pindah supaya sihir Mahura dapat dielakkan dan kembali semula selepas sihir itu hilang.

Elemen-elemen muzik amat penting dalam teater kanak-kanak Maizira Abdul Majid (2004) dalam kajiannya ke atas teater *Siti di Alam Fantasi* berpendapat untuk menarik minat golongan kanak-kanak, corak sesuatu persembahan mestilah menggunakan elemen muzik yang menarik dan mampu menambat hati kanak-kanak.



Pengkaji akan cuba mengetengahkan muzik yang dimainkan secara langsung bagi memberi peluang penglibatan pelajar yang lebih ramai. Ini kerana ramai pelajar terutamanya sekolah menengah mempunyai kemahiran bermain alat muzik. Oleh itu pengalaman ini amat berguna buat mereka. Manakala bagi pementasan, muzik yang dimainkan secara langsung ini dapat memberi kesan yang lebih menarik kepada pelakon terutamanya dalam nyanyian dan kesan khas. Selain itu ia memberi satu pengalaman baru kepada penonton yang hadir bukan sahaja dapat melihat lakonan tetapi dapat juga mendengar lagu-lagu yang telah digubah.

Daripada segi kostum pula, pengkaji lebih tertarik sekiranya pelakon tersebut membuat kostumnya sendiri dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh dikitar semula. Kostum tersebut tidaklah perlu sempurna tetapi mempunyai simbol atau





lambang watak yang hendak digambarkannya. Dengan mereka atau mencipta sendiri kostum, setiap pelakon akan lebih bertanggungjawab terhadap kostum mereka. Secara tidak langsung dapat mendidik mereka supaya lebih kreatif dan berdikari.

Bagi set dan pentas pengkaji memerlukan kepada ruang lakonan yang besar memandangkan ramai pelakon yang terlibat. Jika diteliti berkenaan dengan *Performance Studies*, Schechner (2003) menggariskan persembahan pentas yang melibatkan seni persembahan adalah seperti teater, muzik dan tari. Di sekitar Kuala Lumpur banyak ruang atau pentas yang pengkaji boleh cuba usahakan. Auditorium Tengku Abdul Rahman, (Matic), Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka, Panggung Eksperimen Universiti Malaya dan juga *Black Box* di ASWARA merupakan beberapa tempat yang boleh diusahakan bagi pementasan teater ini.

Amat penting bagi pengkaji untuk memilih tempat tersebut kerana ia sangat bersesuaian dengan pementasan teater berdasarkan kelengkapan-kelengkapan yang telah tersedia. Pencahayaan, audio sistem dan ruang solekan, bilik persalinan, ruang keluar masuk pelakon dan juga set menjadi keutamaan supaya pementasan ini dapat berjalan dengan lancar. Perkara yang paling penting adalah hasilnya nanti terutama kepada kanak-kanak yang terlibat. Dengan ruang yang sebenar dan kehadiran penonton dapat memberi keyakinan diri yang maksimum kepada kanak-kanak tersebut. Ia amat berbeza sekali kesannya ke atas pelajar sekiranya pementasan ini dilakukan di dewan sekolah (Jonathan A.Martin, 2016).

